

- a* **Mohamed Syarul Nizam bin Jamil (Perayu 1)**  
**Nurul Natasha binti Azaman (Perayu 2)**  
*lawan*  
**Ketua Pendakwa Syarie Pulau Pinang**
- b* [Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pulau Pinang, YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im b. Hj. Mokhtar (Pengerusi), YA Tuan Mohd Amran bin Mat Zain (Panel), YA Dato' Mohd Shukor bin Sabudin (Panel), pada **30 Mei 2019/25 Ramadan 1440H**]
- c* **Enakmen Kesalahan Jenayah - Persetubuhan Luar Nikah, Seksyen 23(1) dan (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1997**
- d* **Peguam Syarie perayu-perayu:** Shazril Khairy bin Mustafa dari Tetuan Shazril Khairy Mustafa & Associates
- Responden:** Tuan Azman bin Ismail, Ketua Pendakwa Syarie Pulau Pinang.

#### **FAKTA KES**

- e* [1] Kedua-dua kes ini adalah merupakan rayuan yang telah difailkan secara berasingan melalui peguam syarie yang dilantik oleh perayu-perayu melalui Notis Rayuan masing-masing bertarikh 13/8/2018. Oleh kerana kewujudan fakta kes yang sama dan pliding
- f* yang difailkan juga adalah sama, maka bagi menjimatkan masa mahkamah, Kami akan mengulas dan memutuskan kedua-dua rayuan tersebut di dalam satu penghakiman.
- g* [2] Perayu 1, Mohamed Syarul Nizam bin Jamil beralamat di No. 322 MK J Kampung Genting, 11000, Balik Pulau, Pulau Pinang. perayu 2, Nurul Natasha binti Azaman, beralamat di 26, Lorong Mermatang Pasir 10, Taman Manggis Indah, 11000, Balik Pulau, Pulau Pinang. Responden adalah Ketua Pendakwa Syarie Negeri Pulau Pinang dan beralamat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
- h* Negeri Pulau Pinang, Jalan Lebu Pantai 10300 Pulau Pinang.

[3] Perayu 1 dan perayu 2 telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang pada 8/8/2018 atas kesalahan dibawah seksyen 23 (1) dan (2) EKJSPP 1996 kerana melakukan persetubuhan luar nikah pada di anantara bulan Jun 2017 di sebuah rumah kosong di alamat Kampung Genting, 11000 Balik Pulau sehingga melahirkan seorang anak luar nikah.

a

[4] Perayu-perayu telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang dikenakan dan YA Hakim Bicara telah mensabitkan perayu-perayu atas kesalahan di bawah seksyen 23 (1) dan (2) EKJSPP 1996. Setelah mempertimbangan mitigasi perayu-perayu dan hujah pihak Pendakwaan, YA Hakim Bicara telah menjatuhkan hukuman terhadap perayu-perayu dengan masing-masing dijatuhkan hukuman penjara 13 bulan dan 6 sebatan.

b

c

[5] Melalui Notis Rayuan perayu-perayu, didapati perayu-perayu telah tidak berpuashati dengan hukuman tersebut dan telah memohon penggantungan pelaksanaan hukuman. Mahkamah bicara telah meluluskan permohonan penggantungan pelaksanaan pada 13/8/2018. Perayu-perayu telah dibenarkan diikat jamin sehingga selesai prosiding rayuan dengan bon jamin masing-masing sebanyak RM3000.00.

d

e

[6] Pada 31/10/2018, perayu-perayu telah memfailkan Petisyen Rayuan yang mengandungi 8 alasan sebagaimana di muka surat 26-28 Rekod Rayuan. Pada 13/2/2019, perayu-perayu telah menfailkan hujahan bertulis manakala responden pula telah menfailkan hujahan bertulis pada 6/3/2019. Perayu-perayu telah tidak memfailkan hujah balasan.

f

#### ULASAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

[7] Perayu-perayu telah mengaku bersalah secara sukerela setelah pertuduhan dibacakan dan sebelum hukuman dijatuhkan. Oleh yang demikian, perayu-perayu hanya boleh merayu terhadap takat hukuman sahaja dan bukannya terhadap sabitan sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 136 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 [ETJSPP 2004].

g

h

- a [8] Walaupun perayu-perayu telah menyatakan di dalam Notis Rayuan bahawa mereka merayu terhadap keseluruhan keputusan, Kami memahaminya bahawa perayu-perayu sebenarnya merayu terhadap sebahagian keputusan YA Hakim Bicara MTS iaitu berkenaan takat hukuman dan bukannya sabitan. Hal ini telahpun dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan di dalam kes *Jumadi b. Patomdang Iwn Ketua Pendakwa Syarie WP [2012] JH35(2)241*.
- b
- c [9] Setelah kami meneliti Notis Rayuan, Petisyen Rayuan dan penghujahan daripada pihak-pihak, kami berpendapat hanya **2 isu sahaja** yang perlu diulas kerana kesemua isu dan alasan yang diujahkan perayu-perayu adalah saling berkaitan antara satu dengan yang lain. 2 isu tersebut ialah;
- d i. Sama ada YA Hakim Bicara gagal mengambil kira faktor-faktor peringanan hukuman seperti pengakuan bersalah, kesalahan kali pertama dan taubat/keinsafan perayu-perayu serta faktor-faktor pemberatan hukuman sebelum hukuman penjara dan sebatan dijatuhkan.
- e ii. Sama ada hukuman penjara 13 bulan dan (6) kali sebatan yang dikenakan ke atas perayu-perayu wajar dan tidak keras berlebihan
- f **ISU PERTAMA: Sama ada YA Hakim Bicara gagal mengambil kira faktor-faktor peringanan hukuman seperti pengakuan bersalah, kesalahan kali pertama dan taubat/keinsafan perayu-perayu serta faktor-faktor pemberatan hukuman sebelum hukuman penjara dan sebatan dijatuhkan.**
- g [10] Isu ini adalah berkaitan dengan Petisyen Rayuan perayu-perayu yang ke 6. Di dalam hujahan bertulis perayu-perayu, mereka menyatakan bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan apabila tidak menilai dengan menyeluruh penyesalan, sikap tanggungjawab perayu-perayu dan kesalahan yang dilakukan adalah kali pertama dalam memutuskan hukuman penjara dan sebatan terhadap perayu-perayu
- h tanpa menyatakan faktor-faktor pemberatan hukuman mengatasi faktor peringanan hukuman atau sebaliknya yang melayakkan perayu-perayu

dihukum dengan hukuman penjara dan sebatan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam prinsip-prinsip hukuman takzir.

[11] Perayu-perayu juga menghujahkan bahawa YA Hakim Bicara tidak memberikan ulasan dan tidak menjelaskan faktor peringanan seperti pengakuan salah, kesalahan kali pertama dan taubat perayu-perayu sebelum ini tidak diberikan merit sebagai suatu faktor peringanan terhadap perayu. perayu-perayu telah merujuk kepada kes-kes *Pendakwa Syarie JAWI lwn Siti Nurazniza binti Kamarudin JH 32 Bhg 1, Abd. Razak Othman lwn. Ketua Pendakwa Syarie Melaka [2007] JH23(2) 203, Nur Ashida binti Abu Hanipah lwn. Ketua Pendakwa Syarie Selangor [2009] JH27(1) dan Zarina Mahamad Budi lwn Ketua Pendakwa Syarie Pulau Pinang September 2006 Jld 22 (1)* sebagai sandaran.

[12] Bagi menjawab isu-isu yang dikemukakan oleh perayu-perayu, Responden berhujah bahawa faktor taubat dan keinsafan perayu-perayu tidaklah menggugurkan hukuman dengan merujuk kepada *Kitab al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami, Jld, 1, m.s.354* oleh Dr. Abdul Kadir Audah. Walaupun perayu-perayu telah bertaubat dan insaf, ianya tidaklah menghalang YA Hakim Bicara untuk menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan ke atas perayu-perayu.

[13] Kami bersetuju bahawa sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan, faktor peringanan dan faktor pemberatan hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu. Ianya telah menjadi suatu panduan asas di dalam mempertimbangkan sesuatu hukuman sebagaimana yang dijelaskan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman dalam penulisannya bertajuk '*Proses Penghakiman dan menjatuhkan keputusan di Mahkamah Syariah : Satu penilaian*' [2005]JH19(2) 189.

[14] Setelah kami meneliti alasan penghakiman YA Hakim Bicara di m.s 14-22 Rekod Rayuan, kami dapati YA Hakim Bicara telah mengulas berkaitan faktor-faktor peringanan, keinsafan termasuklah taubat perayu-perayu serta mempertimbangkannya dengan faktor pemberatan berkaitan keseriusan kesalahan yang dilakukan. Kami bersetuju dengan perayu-perayu bahawa YA Hakim Bicara tidak mengulas dengan terperinci berkaitan alasan-alasan hukumannya namun pada hemat kami YA Hakim Bicara telah menyatakan dengan memadai tentang alasan-alasannya. Di muka surat 21 Rekod Rayuan,

YA Hakim Bicara telah memberikan kesimpulannya berkenaan isu ini sebagaimana berikut;

a

*“kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua OKT adalah kesalahan yang amat berat dan serius dan perlu dijatuhkan hukuman yang setimpal dan wajar. Kedua-dua OKT telah melakukan perbuatan zina yang cukup jelas pengharamannya dalam hukum syarak dan undang-undang .”*

b

[15] Kami tegaskan bahawa peringanan atau pengurangan hukuman untuk kesalahan kali pertama, pengakuan salah dan pernyataan taubat hanyalah merupakan satu kenyataan bersifat peraturan yang umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk semua kes dan ianya hendaklah diukur bersetentangan dengan pemberatan dan keseriusan jenayah yang telah dilakukan oleh pesalah sebagaimana pandangan Dr. Abdul Qadir Audah di dalam *Kitab al-Tasyri' al-Jinaie al-Islami, Jilid 1 hlm. 615.*

c

d

[16] Di dalam kes ***Abdul Kahar b. Ahmad lwn Ketua Pendakwa Syarie Selangor [2014] JH 38(2) 153***, Panel Mahkamah Rayuan Syariah telah menyatakan;-

e

*“ Berdasarkan prinsip yang ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Melaka (di dalam kes Abd. Razak Othman lwn. Ketua Pendakwa Syarie Melaka), maka jelas menunjukkan bahawa kesalahan kali pertama dan pengakuan bersalah sebagai faktor peringanan hukuman tidak boleh dipakai dalam semua kes. Faktor penentu sama ada hukuman sesuatu kesalahan perlu diringan atau diberatkan adalah pertimbangan menjaga masalah 'ammah dan sama ada kesalahan tersebut ringan atau berat. Ia disebut dengan jelas dalam kes tersebut. Beliau juga memperkukuhkannya dengan keputusan kes-kes Mahkamah Awam yang mana kesalahan kali pertama dan pengakuan salah tidak menjadi faktor peringanan hukuman apabila bertembung dengan kesalahan yang berat dan serius”*

f

g

h

[17] Berdasarkan alasan-alasan kami di atas, kami berpendapat bahawa perayu-perayu tidak dapat menunjukkan kepada kami bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf apabila gagal mengambil kira faktor-faktor peringanan dan pemberatan sebelum meniatuhkan hukuman.

**ISU KEDUA: Sama ada hukuman penjara 13 bulan dan enam (6) kali sebatan yang dikenakan ke atas perayu-perayu wajar dan tidak keras berlebihan-lebihan**

[18] Hukuman yang dikenakan ke atas perayu-perayu ialah hukuman penjara 13 bulan dan enam(6) kali sebatan. Kami merujuk kepada Rekod Rayuan perayu dan kami mendapati perkara berkenaan pengakuan salah perayu telah disentuh oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah secara umum. Namun, YA Hakim Mahkamah Tinggi tidak menjelaskan/menyatakan secara munasabah bahawa hukuman tiga (3) bulan penjara yang telah dijatuhkannya adalah wajar dan **tidak keras berlebihan-lebihan.**

[19] Bagi mengulas isu-isu di atas kami merujuk kepada penghakiman panel syariah di dalam kes **Mohd Ibrahim Bin Mohd Sharif Iwn. Pendakwa Syarie Pulau Pinang [1998] JH12(2)185** yang menyatakan “*mengenai rayuan terhadap hukuman, prinsip yang dipakai di Mahkamah Sivil bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah yang lebih rendah melainkan jika mahkamah itu tersilap pada prinsipnya atau hukuman itu terlalu berlebihan.*”

[20] Berdasarkan kepada penghakiman di atas, kami berpendapat Mahkamah rayuan hanya akan mengubah hukuman kepada lebih rendah jika sekiranya Mahkamah Rayuan Syariah mendapati hukuman itu sama ada;

1. Mahkamah Bicara tersilap dari segi prinsip ketika menjatuhkan hukuman; atau/dan
2. Hukuman yang dijatuhkan itu terlalu berlebihan-lebihan.

[21] Di dalam kes ini, kami berpendapat hukuman yang telah dijatuhkan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah walaupun ianya di dalam ruang lingkup yang dibenarkan, namun kami berpendapat bahawa hukuman penjara 13 bulan itu adalah **keras berlebihan-lebihan** bagi seseorang pesalah kali pertama yang telah mengaku bersalah atas kesalahannya. Ini kerana, kami berpendapat dalam kes ini faktor-faktor pemberatan hukuman yang dikemukakan oleh

a ianya tidak dapat mengatasi kedua-dua faktor peringanan tersebut yang merupakan satu kenyataan berperaturan. perayu sepatutnya dijatuhkan hukuman yang lebih ringan tanpa mengenakan sebarang hukuman pemenjaraan.

b [22] Kami telah meneliti Nota Keterangan di dalam Rekod Rayuan perayu-perayu dan mendapati bahawa semasa diberikan peluang untuk mitigasi peringanan hukuman perayu-perayu telah menyatakan seperti berikut:-

a. Perayu 1:

- c
- *Saya mohon denda dikurangkan kerana hanya bekerja sebagai pekerja kontrak sahaja*
  - *Saya sudah insaf dan saya telah berkahwin dengan OKT 2*
  - *Kami ada anak sekarang*
- d

b. Perayu 2:

- e
- *Saya seorang yang tidak bekerja dan saya berpendidikan setakat PT3 sahaja*
  - *Mohon denda dikurangkan kerana saya sudah insaf*
  - *Saya telah berkahwin dengan OKT 1 dan kami ada anak berusia 6 bulan*

f [23] Berdasarkan fakta yang ada di dalam Rekod Rayuan, kami mendapati bahawa perayu-perayu mempunyai anak kecil yang masih memerlukan jagaan dan perhatian yang penuh dari ibu bapa mereka. Walaupun kami berpendapat hukuman pemenjaraan boleh dikenakan kepada perayu-perayu, namun kami khuatir tempoh pemenjaraan yang lama iaitu selama 13 bulan sebagaimana yang dijatuhkan oleh YA Hakim Bicara akan mendatangkan kemudaratan kepada anak kecil perayu-perayu lantaran ibu bapa mereka dipenjarakan. Oleh yang demikian, pada hemat kami hukuman pemenjaraan selama 13 bulan yang dijatuhkan kepada perayu-perayu adalah keras dan berlebihan-lebihan yang mewajarkan kami untuk campurtangan.

g

h

[24] Sesuatu hukuman yang hendak dijatuhkan ke atas mana-mana Pesalah adalah berbentuk serampang dua mata, pertamanya untuk menyedarkan pesalah dan keduanya supaya menjadi peringatan (*inzar*) kepada orang lain supaya tidak melakukan perbuatan yang serupa. Tujuan *inzar* ini adalah merupakan tujuan yang penting dalam undang-undang jenayah Islam kerana dengan menimbulkan rasa gerun dengan hukuman, maka ia menakutkan orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama dan seterusnya menjadikan keharmonian dan ketenteraman awam dapat dipelihara. Pada hemat kami, selain hukuman pemenjaraan, hukuman denda juga boleh mendatangkan *inzar* kepada pesalah dan masyarakat awam. Setelah meneliti keseluruhan fakta berkaitan kes ini, kami berpendapat bahawa hukuman pemenjaraan yang dikenakan kepada perayu-perayu wajar dikecepkikan dan digantikan dengan hukuman denda yang kami akan tetapkan jumlahnya di akhir penghakiman ini.

[25] Sebagaimana dapatan kami sebelum ini bahawa perayu-perayu telah tidak menghujahkan secara khusus berkenaan hukuman 6 sebatan yang dikenakan kepada perayu-perayu. Kami ingin menegaskan bahawa hukuman sebat merupakan satu bentuk hukuman yang disebut secara khusus di dalam al-Qur'an. Ianya merupakan hukuman utama di dalam Sistem Jenayah Islam dan mempunyai kesan pencegahan yang dijami oleh Allah SWT. Kami tidak mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mencampuri hukuman sebatan yang dijatuhkan oleh YA Hakim Bicara di dalam kes ini.

[26] Walaubagaimanapun, pada hemat kami hukuman 6 sebatan yang dikenakan kepada perayu-perayu adalah terlalu ringan berdasarkan sifat kesalahan yang dilakukan mereka iaitu persetubuhan luar nikah. Kesalahan persetubuhan luar nikah atau zina merupakan kesalahan yang tergolong di dalam kategori kesalahan hudud mengikut hukum Syarak yang boleh dihukum dengan 100 sebatan. Kami merujuk kepada firmah Allah SWT di dalam surah an-Nur, ayat 2;

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾



a “ Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina,  
hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya  
seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi  
oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam  
menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu  
beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah  
disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka  
itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman”.

b  
c [27] Malangnya, Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang telah tidak  
diberikan kuasa untuk melaksanakan hukuman 100 sebatan tersebut.  
Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]  
hanya menghadkan kuasa Mahkamah Syariah untuk memberikan  
hukuman setakat 6 sebatan sahaja. Kami juga ingin menarik perhatian  
pihak-pihak bahawa sebatan bagi hukuman jenayah syariah adalah  
amat berbeza dengan sebatan bagi hukuman jenayah sivil. Sebatan  
syariah adalah lebih ringan dan tidak akan mendatangkan kecederaan  
parah kepada pesalah.

d [28] Kami juga ingin menyatakan di sini bahawa proses perlaksanaan  
sebatan apabila seseorang pesalah tidak dikenakan hukuman penjara  
telah pun diulas oleh Mahkamah Rayuan Syariah Selangor dalam  
kes **Abdul Hafiz b. Sarjuni & Siti Roslina bt. Torhim Iwn Ketua  
Pendakwa Syarie Selangor**[2018] JH47(2)210 yang diputuskan pada  
e 10/10/2016. Di dalam kes tersebut, Panel Rayuan telah menyatakan;-

f “ Secara umumnya, apabila mana-mana Mahkamah Syariah  
menjatuhkan hukuman sebat di penjara terhadap pesalah  
tetapi tidak dihukum dengan hukuman pemenjaraan,  
maka Mahkamah Bicara boleh memberikan pelepasan  
kepada pesalah tersebut dengan mengikat bon jamin ke  
atasnya sehinggalah perlaksanaan sebatan itu hendak  
g dilaksanakan. Ini bermakna, setelah penguatkuasa agama  
bersedia membawa pesalah ke penjara dan Jabatan  
Penjara pula bersedia menerima dan melaksanakan  
hukuman ke atas pesalah itu, maka Mahkamah Bicara  
bolehlah mengeluarkan notis kehadiran kepada Pesalah  
ke Mahkamah sebelum dibawa Penguatkuasa Agama  
ke Penjara. Di penjara pula, dengan persediaan awal  
Jabatan Penjara, prosedur pemeriksaan ke atas pesalah  
sebelum hukuman dijalankan ke atas Pesalah hendaklah  
dibuat seberapa segera dan seterusnya hukuman sebatan  
dilaksanakan tanpa kelengahan”

[29] Ini bermaksud, pesalah berkenaan tidak akan berada di penjara di dalam tempoh yang panjang dan tidak akan melalui proses dan rutin biasa sebagaimana pesalah yang dijatuhkan hukuman pemenjaraan. a

[30] Kami juga ingin menarik perhatian pihak-pihak bahawa akibat daripada hukuman sebatan tidaklah seperti hukuman pemenjaraan yang sudah pastinya memberikan satu perspektif yang tidak baik kepada pesalah di mata masyarakat. Apabila pesalah dipenjarakan, mereka akan dikenali sebagai bekas banduan apabila selesai menjalani hukuman. Situasi ini tidak akan berlaku di dalam hukuman sebatan. b

[31] Abdul Kadir Audah di dalam Kitab *al-Tasyrie' al-Jina'ie al-Islami*, m.s. 694 ada menyatakan bahawa hukuman sebatan di dalam syariat Islam merupakan hukuman yang diutamakan dalam kesalahan takzir yang serius. Hal ini adalah kerana hukuman sebatan adalah hukuman yang paling berkesan untuk mencegah penjenayah tegar. Malahan pelaksanaan hukuman ini tidak membebaskan pihak Kerajaan dan tidak menghalang penjenayah tersebut dari bekerja dan menjalankan aktiviti-aktiviti harian berbanding hukuman penjara seperti berlaku sekarang. c d

[32] Pelaksanaan hukuman sebat hendaklah dilakukan dengan sesegera mungkin sebagaimana yang diperuntukkan oleh sub-seksyen 126(2) ETJSPP 2004. Dengan cara sedemikian, pesalah tidak akan ditahan dengan lama di penjara bagi memastikan maksud dan tujuan penghakiman tercapai dan dalam masa yang sama kebajikan perayu-perayu turut terpelihara. e

[33] Berdasarkan ulasan-ulasan tersebut, kami berpuashati bahawa Perayu-perayu telah menunjukkan kepada kami YA Hakim Bicara telah menjatuhkan hukuman yang keras dan berlebih-lebihan ke atas perayu-perayu yang mewajarkan untuk kami campurtangan di dalam hukuman tersebut. f g

h

**KEPUTUSAN**

Setelah Kami meneliti Notis Rayuan, Rekod Rayuan dan hujah kedua-dua pihak, maka kami SEBULAT SUARA memutuskan seperti berikut:-

1. Rayuan perayu-perayu diterima.
2. Hukuman 13 bulan penjara ke atas perayu-perayu yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah pada 9/8/2018 di dalam kes-kes 07400-142-0015-2018 & 07400-142-0016-2018 adalah diketepikan dan digantikan dengan hukuman denda **RM 3,000.00** atau 6 bulan penjara jika gagal membayar denda.
3. Hukuman 6 sebatan ke atas perayu-perayu adalah dikekalkan.
4. Perayu-perayu boleh dilepaskan dengan jaminan sebanyak RM 1,000.00 setiap seorang sehingga hukuman sebatan hendak dilaksanakan.
5. Mahkamah membenarkan bayaran jaminan yang telah didepositkan oleh perayu-perayu dijadikan bayaran denda.